



LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan Mencuci dan Membersih untuk membuat tawaran bagi perolehan perkhidmatan seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG PUKONSA/CIDB (YANG BERKAITAN)	TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH /MASA TUTUP SEBUT HARGA
LPPS/SH-001/2020 (Panggilan Kedua)	Perkhidmatan Pembersihan di Bangunan dan Perkarangan Ibu Pejabat LPPS, Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat 88617 Kota Kinabalu.	Berdaftar dengan PUKONSA di bawah KOD 220400	Tarikh : 01 September 2020 (Selasa), jam 09.00 pagi Di Bilik Mesyuarat Pengurusan, Bangunan Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat 88617 Kota Kinabalu.	Tarikh : 08 September 2020 (Selasa)

2. Dokumen Sebut harga boleh diperolehi bermula pada **18 Ogos 2020 (Selasa)** di Bahagian Pentadbiran, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, semasa waktu pejabat bermula dari 09.00 pagi sehingga 04.00 petang. **Harga Dokumen Sebut Harga adalah RM50.00 (tidak dikembalikan).**
3. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang namanya dinyatakan di dalam sijil PUKONSA atau wakil-wakil yang SAH sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. Sijil asal PUKONSA hendaklah ditunjukkan ketika hendak membeli dokumen sebut harga.
4. Semasa Taklimat/ Lawatan syarikat-syarikat mestilah mengemukakan Sijil Asal (untuk pengesahan) dan Salinan photostat (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :-
 - a) Sijil Pendaftaran Syarikat dari PUKONSA yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan;
 - b) Sijil Lesen untuk menjalankan Urusan Perniagaan yang sah dan masih berkuatkuasa.
5. Setiap syarikat yang hendak membuat tawaran adalah **WAJIB** hadir ke Taklimat/Lawatan Tapak.
6. Bagi pemilik Lesen PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-
 - a) Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA
 - b) Resit ASAL Penjelasan Pembayaran kelulusan

7. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **dimeteraikan** serta bertanda nombor **rujukan sebut harga** dan dialamatkan kepada

**Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah
Bangunan Ibu Pejabat LPPS
Jalan Tun Fuad Stephens, Tanjung Lipat
88617 Kota Kinabalu**

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak di Aras Bawah di alamat di atas sebelum tarikh tutup tawaran.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat jika syarat-syarat berkaitan telah dipenuhi.

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**